

PERANAN UNIVERSITI TERHADAP PENERAPAN INOVASI SOSIAL DALAM PENYELIDIKAN

THE ROLE OF UNIVERSITIES ON SOCIAL INNOVATION IN A RESEARCH

Nurhazliyana Hanafi¹, Mohamad Pirdaus bin Yusoh², Jalaluddin Abdul Malek³ &
Jabil Mapjabil⁴

¹Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu
(E-mel: nurhazliyana@umt.edu.my)

²Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu
(E-mel: m.pirdaus@umt.edu.my)

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
(E-mel: jbam@ukm.edu.my)

⁴Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: jabil@ums.edu.my)

Article history

Received date : 1-9-2021
Revised date : 2-9-2021
Accepted date : 11-10-2021
Published date : 28-10-2021

To cite this document:

Nurhazliyana Hanafi, Mohamad Pirdaus bin Yusoh,
Jalaluddin Abdul Malek & Jabil Mapjabil (2021).
Peranan universiti terhadap penerapan inovasi sosial
dalam penyelidikan. *International Journal of
Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (36),
72 - 80.

Abstrak: Inovasi sosial merupakan pendekatan baharu dalam mengurangkan jurang antara keperluan masyarakat dan penciptaan teknologi tinggi dalam masyarakat. Penerapan elemen inovasi sosial dalam pelaksanaan peranan universiti menjadikan misi universiti dalam penghasilan dan penyebaran ilmu lebih bermakna. Kajian literatur ini bertujuan untuk meneliti peranan universiti dalam penerapan inovasi sosial dalam aktiviti penyelidikan. Penelitian artikel yang relevan dalam pangkalan data scopus menggunakan kaedah pencarian terperinci terhadap kata kunci universiti, institut pengajian tinggi, inovasi sosial dan penyelidikan. Terdapat 219 dokumen dipaparkan dan hanya 183 dokumen yang dianalisis, iaitu yang diterbitkan sepanjang tahun 2015 hingga 2021. Dokumen ini terdiri daripada artikel, kertas kerja persidangan, bab dalam buku dan buku. Berdasarkan tinjauan yang dijalankan, terdapat lapan proses sesebuah universiti berperanan dalam menerapkan elemen inovasi sosial dalam aktiviti penyelidikan. Penerapan elemen inovasi sosial dalam aktiviti penyelidikan menyumbang terhadap keberkesanan peranan universiti dalam pembangunan sosial dan ekonomi yang seimbang.

Kata kunci: Universiti, Institut Pengajian Tinggi, Inovasi Sosial, Penyelidikan

Abstract: *Social innovation is a new practice to reduce the gap between the societal needs and advanced technology in the society. The application of social innovation is a robust element for the universities which in line with their mission to produce and disseminate knowledge and to make it more meaningful. This paper focuses on some literature reviews with the aim to look at the role of universities in applying social innovations in research activities. The relevant articles are retrieved from Scopus database using advanced search methods focusing on certain keywords namely university, higher education institute, social innovation and research. There were 219 documents displayed and out of the number, 183 documents which were published from 2015 to 2021 were analyzed. These documents consist of articles, conference papers, chapters in books and books. The details from the findings reveal there are eight processes on how universities can play active roles in applying the elements of social innovation in research activities. It can be concluded that the application of those elements in research activities contributes to the effectiveness of the university's role towards the development of social and economic well being.*

Keyword: *University, Higher Education Institute, Social Innovation, Research*

Pengenalan

Perubahan teknologi tinggi, globalisasi dan populasi warga tua dalam masyarakat membawa kepada ketidakseimbangan sosial (BEP, 2010). Teknologi inovasi memerlukan inovasi sosial dalam menyempurnakan pembangunan inovasi dan pengetahuan dalam sesebuah bandar (Geels, 2004; Klein, Tremblay & Bussieres, 2010; van der Have & Rubalcaba, 2015). Fagerberg (2012) menjelaskan integrasi inovasi sosial dalam kajian inovasi didefinisikan sebagai kajian ilmiah tentang kaedah atau cara inovasi berlaku dan faktor penting yang memberi kesan terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar (van der Have & Rubalcaba, 2015).

Kesatuan Eropah (EU) memberi penekanan terhadap pembangunan inovasi sosial dengan memperbaharui agenda Pengajian Tinggi (2017), iaitu 'Institut Pengajian Tinggi (IPT) harus terlibat dalam pembangunan kota dan wilayahnya, sama ada melalui penyumbang strategi pembangunan, kerjasama dengan perniagaan, sektor awam dan sukarela atau menyokong dialog masyarakat mengenai isu-isu kemasyarakatan'. Agenda ini membolehkan komuniti akademik mendapat insentif, penghargaan dan pengembangan kerjaya sekiranya dapat memenuhi matlamat agenda pengajian tinggi ini (Leubolt et al., 2017).

Inovasi sosial merujuk kepada aktiviti dan perkhidmatan inovatif yang didorong dengan matlamat memenuhi keperluan sosial dan kebanyakannya tersebar melalui organisasi yang tujuan utamanya adalah sosial (Mulgan, 2006). Sementara itu, Unceta et al. (2016) mendefinisikan inovasi sosial sebagai produk baharu, proses dan kaedah yang dibangunkan secara kreatif dan lestari, menawarkan penyelesaian yang lebih baik kepada satu atau beberapa permintaan sosial. Manakala Howaldt et al. (2016) menegaskan konsep inovasi sosial melibatkan hubungan teknologi dan inovasi perniagaan yang bertujuan untuk memenuhi tuntutan sosial, memenuhi cabaran masyarakat dan perubahan sistematik yang ditangani oleh pelaku, rangkaian dan urus tadbir (termasuk peranan usahawan sosial, rangkaian, penglibatan pegguna) perubahan sosial dan pembangunan melalui proses dinamik.

Konsep inovasi sosial lebih menyeluruh melalui definisi Hochgerner (2014), iaitu amalan baharu untuk menyelesaikan cabaran masyarakat yang diterima pakai dan digunakan oleh

individu, kumpulan sosial dan organisasi yang terlibat. Konsep ini digunakan untuk merujuk kepada idea-idea baharu (produk, perkhidmatan dan model) yang dibangunkan untuk memenuhi keperluan sosial yang tidak dipenuhi (Matei & Antonie, 2015; The Young Foundation, 2012). Howaldt et al. (2016) menggariskan lima dimensi utama dalam inovasi sosial. Pertama, mengenal pasti keperluan dan cabaran masyarakat. Kedua, sumber, keupayaan dan konstrain yang ada untuk membangunkan inovasi sosial. Ketiga, inovasi sosial memerlukan proses dinamik dan melibatkan strategi sosial yang kreatif (Pue et al., 2016). Keempat adalah mewakili elemen pelaku, hubungan jaringan dan urus tadbir yang merupakan aktor penting dalam pelaksanaan inovasi sosial. Akhir sekali ialah konsep dan kefahaman inovasi sosial dalam kalangan pemegang taruh. Manakala, dimensi dan teras yang dibangunkan mesti bertujuan memenuhi kehendak dan keperluan sosial.

Bayuo et al. (2020) mengkaji perkaitan peranan IPT iaitu pengajaran, penyelidikan, pemindahan pengetahuan dengan inovasi sosial. Perkaitan pengajaran IPT dengan inovasi sosial menghasilkan kurikulum baharu dalam inovasi sosial, mengintegrasikan inovasi sosial dalam kurikulum sedia ada dan menyediakan peralatan digital terkini untuk pendidikan. Impaknya akan menampung keperluan pendidikan yang berbeza dan membolehkan kumpulan pelajar yang terpinggir, kelainan upaya atau dengan latar belakang pelbagai terlibat dalam pendidikan di IPT. Pelajar juga sebagai agen perubahan, warganegara yang baik dan menyokong inovasi sosial. Hubungan inovasi sosial dengan pengajaran, penyelidikan dan pemindahan pengetahuan boleh melengkapkan masyarakat dengan pengetahuan yang relevan agar boleh menyelesaikan masalah pada masa hadapan.

Seterusnya, Mdleleni (2021) menjalankan kajian di Afrika Selatan melibatkan University of the Western Cape di Cape Town. Projek inovasi sosial yang melibatkan universiti berkenaan adalah seperti Projek Zenzeleni Networks. Kajian dijalankan bertujuan untuk memahami kaedah atau cara institut pendidikan tinggi memberikan sumbangan mereka melebihi fungsi tradisional universiti untuk melaksanakan penyelesaian masalah sosioekonomi melalui aktiviti penyelidikan dan pemindahan pengetahuan. Universiti menyumbang terhadap inovasi sosial melalui sokongan yang ada di universiti, iaitu ilmu pengetahuan dan sumber bahan dan aset (Benneworth & Cunha, 2015). Dari segi ilmu pengetahuan sebagai (i) penyumbang ilmu pengetahuan menerusi ilmu pengetahuan sedia ada serta penjana ilmu yang terhasil dan (ii) jambatan ilmu pengetahuan melalui hubung jalin rangkaian sosial dan akademik universiti. Manakala, dari segi sumber bahan dan aset adalah sebagai pembiayaan berbentuk pelaburan dan penggunaan aset untuk kemudahan dalam proses inovasi sosial.

Morawska-Jancelewicz (2021) menekankan peranan universiti dalam konteks model *quadruple/quintuple helix* yang mengintegrasikan elemen inovasi teknologi dan inovasi sosial dalam pembangunan yang memberi impak kepada masyarakat. Banyak kajian perlu dijalankan untuk mengetahui cara atau kaedah universiti boleh menjalankan peranan penyelidikan akademik dalam skala yang lebih besar dan memberi impak yang lestari (Mdleleni, 2021). Penelitian terhadap kajian yang telah dijalankan perlu dilakukan melalui kajian literatur untuk meneliti jurang yang perlu diisi dalam konteks peranan penyelidikan universiti atau IPT dalam penerapan inovasi sosial.

Persoalan Kajian

Kajian literatur yang dijalankan adalah berdasarkan persoalan kajian yang dibentuk. Pembentukan persoalan kajian adalah menggunakan garis panduan PICO (*Population, Interest and Context*) iaitu Populasi, Minat dan Konteks yang diadaptasi daripada artikel tinjauan sistematik yang dihasilkan oleh Mohamed Shaffril et al. (2020). Berdasarkan garis panduan tersebut, populasi dalam kajian ini merujuk kepada universiti atau institut pendidikan tinggi. Minat berkait dengan elemen penerapan, iaitu inovasi sosial dan dalam konteks aktiviti penyelidikan. Justeru, persoalan kajian yang perlu dijawab adalah bagaimana universiti berperanan dalam penerapan inovasi sosial menerusi aktiviti penyelidikan yang dijalankan?

Metodologi Kajian

Kajian literatur ini dijalankan menggunakan kaedah carian dalam pangkalan data scopus pada September 2021. Pencarian menggunakan kata kunci inovasi sosial, pendidikan tinggi atau universiti dan penyelidikan memaparkan sebanyak 219 artikel. Pencarian dihadkan dengan mengambil kira penerbitan antara tahun 2015 hingga 2021 iaitu sebanyak 183 artikel. Proses penapisan terus dijalankan dengan meneliti tajuk, abstrak dan kata kerja daripada tahun 2015 hingga tahun 2021 dengan mengaplikasikan kaedah pencarian terperinci dengan menggunakan kata kunci seperti yang disarankan oleh Mohamed Shaffril et al. (2021). Pencarian kata kunci yang digunakan adalah seperti berikut;

```
TITLE-ABS-KEY(("social innovation" AND ("higher education" OR universit*) AND research)) AND (LIMIT-TO (PUBYEAR , 2021) OR LIMIT-TO (PUBYEAR , 2020) OR LIMIT-TO (PUBYEAR , 2019) OR LIMIT-TO (PUBYEAR , 2018) OR LIMIT-TO (PUBYEAR , 2017) OR LIMIT-TO (PUBYEAR , 2016) OR LIMIT-TO (PUBYEAR , 2015).
```

Hasil daripada pencarian tersebut diteliti dan dianalisis mengikut tahun, negara, bentuk dokumen yang diterbitkan dan kekerapan pengkaji menjalankan kajian berkenaan inovasi sosial dan universiti dalam konteks penyelidikan. Berdasarkan artikel yang diperolehi, artikel ini hanya menjalankan penelitian awal terhadap cara atau kaedah penerapan inovasi sosial dilakukan dalam peranan penyelidikan di universiti. Penelitian terperinci perlu dianalisis dengan lebih mendalam pada masa hadapan.

Hasil Kajian Literatur dan Perbincangan

Peringkat dalam Menerapkan Inovasi Sosial oleh Universiti dalam Penyelidikan

Peranan universiti dalam inovasi sosial adalah menjayakan aktiviti penyelidikan melalui proses tertentu, menunjukkan kaedah serta peringkat dalam proses inovasi sosial (Benneworth & Cunha, 2015; Cunha et al., 2015; Mdeleleni, 2021). Terdapat lapan peringkat dalam proses mewujudkan inovasi yang memberi impak kepada masyarakat. Benneworth dan Cunha (2015) menggariskan tujuh proses iaitu sehingga proses menyebarkan. Namun ramai pengkaji menyarankan pengukuran impak agar peranan universiti dalam inovasi sosial lebih lestari, antaranya oleh Bayuo et al. (2020) dan Cockshut et al. (2020).

Proses inovasi sosial dalam konteks penyelidikan di universiti bermula dengan penjana idea (Farmer et al., 2018). Proses ini diperolehi daripada pengetahuan penyelidikan pengkaji sendiri, pengalaman praktikal yang lalu, melalui jaringan akademik yang lebih luas, pengalaman penyelidik mencungkil dan menyokong penyelesaian masyarakat untuk menghadapi cabaran masyarakat. Proses kedua, penciptaan ruang eksperimen bagi membolehkan penghasilan inovasi yang memenuhi keperluan masyarakat. Sebagai contoh, Fab Labs merupakan instrumen yang

efektif untuk mempromosikan inovasi sosial dari universiti (Valenzuela-Zubiaur et al., 2021). Penciptaan ruang eksperimen boleh meyakinkan orang lain untuk menyertai kerjasama tersebut, memudahkan proses untuk mengatur atau mengadakan mesyuarat. Proses ini membantu dalam mengesahkan penciptaan baharu dalam inovasi sosial dan membolehkan pencarian dana melalui projek penyelidikan.



Ketiga, peringkat seterusnya mewujudkan pembimbing yang boleh menunjukkan inovasi kepada masyarakat yang disasarkan. Peranan universiti menyokong dalam penyampaian pembimbing melalui pelbagai program, antaranya program pemindahan pengetahuan (Nizam Jali et al., 2016). Kejayaan pembimbing dalam keberhasilan inovasi sosial disah dan dihebahkan. Setelah memahami inovasi baharu, proses keempat adalah keputusan untuk mengembangkan idea berikut dilakukan. Penyebaran dan pembauran inovasi sosial agar manfaat diterima oleh masyarakat. Kelima, pihak yang terlibat perlu sokongan pakatan iaitu kesatuan dalam menyelesaikan masalah yang ada. Monteiro et al. (2021) menekankan berkenaan kesatuan dan sokongan kerajaan dalam keberhasilan inovasi sosial. Pihak yang berminat dengan penyelesaian tersebut dikenal pasti. Seterusnya, semua pihak yang berminat dalam penyelesaian tersebut digerakkan untuk memenuhi misi sosial. Seterusnya orang ramai membuat hujah dan penilaian untuk mengembangkan inovasi sosial.

Keenam, hasil yang diperoleh melalui fasa pengkodan iaitu proses dokumentasi seperti menghasilkan panduan, kaedah, dan alatan yang membantu proses tersebut. Langkah menghasilkan panduan, model, dan kit panduan untuk aktiviti tersebut adalah penting agar inovasi yang terhasil dapat memberi manfaat kepada golongan sasar. Fasa ini, adalah latihan untuk pengamal inovasi agar melakukan penciptaan inovasi dan menyebarkan kepada kepada komuniti dan hasilnya memberi impak kepada mereka. Ketujuh, inovasi boleh disebarkan melalui penerbitan idea, perkongsian atau pertukaran kakitangan agar penyebaran inovasi sosial lebih luas. Kelapan adalah pemantauan impak kepada komuniti agar projek inovasi sosial yang terhasil lebih lestari. Penelitian perlu dilakukan dalam konteks kaedah untuk melestarikan impak sesuatu penciptaan inovasi kepada masyarakat adalah sangat penting seperti yang disarankan oleh Bayuo et al. (2020).

Ringkasnya, kajian literatur berkenaan peranan universiti terhadap inovasi sosial dalam konteks penyelidikan boleh diteliti dan dikaji dengan lebih mendalam menggunakan kaedah penentuan tema yang terdapat dalam kajian terdahulu. Kaedah tinjauan literatur bersistematik juga boleh dilakukan dalam topik ini bagi memperoleh hasil literatur yang lebih bermakna dalam kajian inovasi sosial (Mohamed Shaffril et al., 2021).

Carian Dokumen Berkaitan Peranan Universiti dalam Penerapan Inovasi Sosial

Hasil carian dokumen berkaitan dengan penerapan inovasi sosial dalam peranan universiti melalui aktiviti penyelidikan antara tahun 2015 sehingga 2021 adalah seperti Rajah 1. Jumlah keseluruhan yang diperoleh adalah 183 dokumen, sebanyak 7% pada tahun 2015 iaitu 13 bahan, 11 peratus bagi dua tahun berturut-turut, iaitu tahun 2016 dan 2017 dengan 21 bahan terbitan. Peningkatan penghasilan penerbitan pada tahun 2018 iaitu sebanyak 4 artikel daripada tahun sebelumnya yang merangkumi 14% daripada keseluruhannya. Manakala jumlah penerbitan pada tahun 2019, 2020 dan 2021 masing-masing adalah sebanyak 32 bahan (17%), 37 bahan (20%) dan 34 bahan (19%). Pola penerbitan berkaitan isu ini meningkat daripada tahun 2015 sehingga tahun 2020. Jumlah penerbitan pada tahun 2021 dianggarkan melebihi penerbitan pada tahun 2020.



Rajah 1: Jumlah Dokumen mengikut Tahun **Rajah 2:** Jumlah Dokumen mengikut Negara


Sumber: Web Scopus (2021).

Jumlah dokumen turut dianalisis mengikut negara seperti Rajah 2. Amerika Syarikat merupakan negara yang banyak menghasilkan dokumen berkaitan antara tahun 2015 hingga 2021, iaitu sebanyak 21 bahan. Itali dan Sepanyol pula masing-masing menerbitkan jumlah bahan yang sama iaitu 14 bahan. Seterusnya, United Kingdom sebanyak 13 bahan, manakala Kanada, China dan Persekutuan Rusia menerbitkan bilangan bahan yang sama, iaitu 11 dokumen. Colombia dan Afrika Selatan juga menghasilkan jumlah dokumen yang sama iaitu 9 dokumen. Selebihnya, Brazil (8), Portugal (7) dan Latvia, Australia dan Malaysia, masing-masing menyumbang sebanyak 6 artikel.

Jadual 1: Bentuk Dokumen Penerbitan

Bentuk Dokumen Penerbitan	Jumlah	Peratus
Artikel	106	58
Kertas kerja persidangan	37	20
Bab buku	26	14
Tinjauan (<i>Review</i>)	7	4
Buku	5	3
<i>Erratum</i>	2	1
Jumlah	183	100

Jadual 1 menunjukkan bentuk penerbitan data scopus yang diperolehi daripada pencarian kata kunci yang ditetapkan. Kebanyakan adalah artikel jurnal iaitu sebanyak 58% atau 106 buah artikel. Kedua tertinggi, kertas kerja persidangan iaitu 37 bahan mewakili 20% daripada jumlah dokumen. Dokumen yang berbentuk tinjauan sebanyak 7 bahan iaitu 4 peratus, manakala buku sebanyak 5 bahan (3%) dan *erratum* iaitu dalam proses pembetulan sebanyak 2 bahan (1%).



Rajah 3: Jumlah Dokumen mengikut Pengkaji

Berdasarkan dapatan data daripada pangkalan data scopus, kajian berkenaan peranan universiti terhadap penerapan inovasi sosial dalam penyelidikan meningkat sehingga tahun 2020. Data ini diperolehi daripada pangkalan data scopus pada September 2021, justeru dijangkakan jumlah bahan akan meningkat pada tahun 2021 kerana ada beberapa bulan lagi menuju tahun 2022. Rajah 3 menunjukkan senarai pengkaji dan bilangan yang diterbitkan dalam pangkalan data scopus. Lapan orang pengkaji telah menghasilkan 3 dokumen penerbitan. Sebagai contoh, (i) Castro-Spila menerbitkan artikel bertajuk ‘*Social innovation excubator developing transformational work-based learning in the relational university*’ pada tahun 2018, (ii) Bayuo et al. (2020) menerbitkan artikel bertajuk ‘*Unpacking the role of universities in the emergence, development and impact of social innovations - A systematic review of the literature*’ dan (iii) Grinberga-Zalite dan Mazure (2017) menerbitkan artikel bertajuk ‘*Integration of social innovation creation in higher education for enhancing of economic development in Latvia*’.

Misi penyelidikan di IPT dan perkaitannya dengan inovasi sosial mula diberi penekanan pada awal abad ke-21 (Morawska-Jancelewicz, 2021). Penyelidikan terhadap inovasi sosial atau penyelidikan yang membentuk inovasi sosial yang baharu melalui penghasilan teori dan metodologi terbaru dalam konteks ini. Kesannya, terhasil rangkaian penyelidikan dan perkongsian penyelidikan baharu, pengiktirafan semakin meningkat terhadap penyelidikan berorientasikan penyelesaian, penyelidikan impak sosial kerana boleh dimasukkan dalam penilaian dasar, dapat mengurangkan jurang kekurangan petunjuk dalam mengukur kesan penyelidikan inovasi sosial.

Kesimpulan

Penerapan elemen inovasi sosial dalam aktiviti penyelidikan di universiti didapati memberi kesan yang positif terhadap perubahan dan pembangunan masyarakat. Pelaksanaan lapan peringkat dalam penerapan inovasi sosial oleh universiti dalam penyelidikan didapati adalah relevan dan praktikal untuk dilaksanakan secara meluas di negara sedang membangun termasuk Malaysia. Hasil kajian dan tinjauan literatur menunjukkan kajian sebegini telah banyak dilakukan di negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan beberapa negara di

Eropah. Kajian lanjut perlu dijalankan dalam konteks negara membangun agar pengembangan ilmu pengetahuan dan amalan inovasi sosial dalam menyumbang kepada pembangunan negara khususnya dalam keseimbangan sosial dan ekonomi masyarakat dapat direalisasikan.

Rujukan

- A BEPA Report. (2014). Social innovation: A decade of changes. *Publication Office of the European Union*, Vol. 92. Luxembourg.
- Bayuo, B. B., Chaminade, C., & Göransson, B. (2020). Unpacking the role of universities in the emergence, development and impact of social innovations - A systematic review of the literature. *Technological Forecasting and Social Change*, 155(October 2019).
- Benneworth, P., & Cunha, J. (2015). Universities' contributions to social innovation: Reflections in theory & practice. *European Journal of Innovation Management*, 18(4), 508-527.
- Cockshut, L., Brown, A., & Hardey, M. (2020). Social innovation and the university: The impact of intervention for the micro creative economy in North East England. *Social Enterprise Journal*, 16(2), 203-220.
- Cunha, J., Benneworth, P., & Oliveira, P. (2015). Social Entrepreneurship and Social Innovation: *Handbook of Research on Global Competitive Advantage through Innovation and Entrepreneurship*, 616-639.
- Farmer, J., Carlisle, K., Dickson-Swift, V., Teasdale, S., Kenny, A., Taylor, J., ... Gussy, M. (2018). Applying social innovation theory to examine how community co-designed health services develop: Using a case study approach and mixed methods. *BMC Health Services Research*, 18(1), 1-12.
- Geels, F. W. (2004). From sectoral systems of innovation to socio-technical systems: Insights about dynamics and change from sociology and institutional theory. *Research Policy*, 33(6-7), 897-920.
- Klein, J. L., Tremblay, D. G., & Bussieres, D. R. (2010). Social economy-based local initiatives and social innovation: a Montreal case study. *International Journal of Technology Management*, 51(1), 121.
- Leubolt, B., Moulart, F., Mehmood, A., & MacCallum, D. (2017). *Social Innovation as a Trigger for Transformations: The Role of Research*. European Commission, DG for Research and Innovation.
- Mdleleni, L. (2021). University as a vehicle to achieve social innovation and development: repositioning the role of the university in the society. *Social Enterprise Journal*.
- Mohamed Shaffril, H. A., Ahmad, N., Samsuddin, S. F., Samah, A. A., & Hamdan, M. E. (2020). Systematic literature review on adaptation towards climate change impacts among indigenous people in the Asia Pacific regions. *Journal of Cleaner Production*, 258, 120595.
- Mohamed Shaffril, H. A., Samsuddin, S. F., & Abu Samah, A. (2021). The ABC of systematic literature review: the basic methodological guidance for beginners. *Quality and Quantity*, 55(4), 1319-1346.
- Monteiro, S., Isusi-Fagoaga, R., Almeida, L., & García-Aracil, A. (2021). Contribution of higher education institutions to social innovation: Practices in two southern european universities. *Sustainability (Switzerland)*, 13(7), 1-15.
- Morawska-Jancelewicz, J. (2021). *The role of universities in social innovation within quadruple/quintuple helix model: Practical implications from Polish experience*. *Journal of the Knowledge Economy*. Springer US.
- Nizam Jali, M., Abas, Z., & Ariffin, A. S. (2016). Addressing Social Innovation in the Malaysian Knowledge Transfer Program: Gaining a Preliminary Insight. *IOSR Journal*

- of Business and Management*, 18(10), 56-64.
- Valenzuela-Zubiaur, M., Bustos, H. T., Arroyo-Vázquez, M., & Ferrer-Gisbert, P. (2021). Promotion of social innovation through fab labs. The case of proteinlab utem in chile. *Sustainability (Switzerland)*, 13(16).
- Van der Have, R. P., & Rubalcaba, L. (2015). Social innovation research: An emerging area of innovation studies? *Research Policy*, 45, 1923-1935.